


TARIKH : 12 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Semakan semula perjanjian 5G tak boleh ditangguh

# Semakan semula perjanjian 5G tak boleh ditangguh



### Langkah elak Malaysia terus ketinggalan, jejas perniagaan berkaitan e-dagang

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

Sebarang semakan semula semula perjanjian berhubung dengan pelaksanaan projek 5G perlu dilaksanakan segera untuk mengelakkan Malaysia terus ketinggalan berbanding rakan ASEAN lain.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed, berkata meskipun wujud keperluan melihat semula tender projek 5G seperti mana arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ia perlu dibuat dalam tempoh masa yang munasabah.

"Sekiranya kerajaan mahu menyemak semula semua perjanjian, ia perlu dilaksanakan secepat mungkin dan dalam tempoh masa yang munasabah untuk mengelakkan gangguan dalam pelaksanaan 5G di Malaysia. Perkara sanā juga perlu dilakukan jika ia memerlukan proses tender semula," katanya kepada BH.

Anuar Shah berkata, disebabkan oleh penangguhan 5G, maka liputan mungkin terganggu yang akan memberi kesan kepada

rakyat dan perniagaan.

Malah, katanya, kelewatan pelaksanaan 5G akibat semakan semula itu turut akan menjejaskan perniagaan yang berkaitan dengan e-dagang.

"Pelaksanaan 5G di Malaysia tidak boleh dilagakan lagi atau lambat dilaksanakan. Dengan cadangan semakan semula juga, kerajaan perlu meletakkan tempoh masa yang jelas dan munasabah untuk memberi panduan kepada semua pihak termasuk rakyat dan perniagaan," katanya.

Beliau menjelaskan, pelaksanaan pantas penggunaan teknologi 5G memberi manfaat besar untuk membantu proses pemulihan ekonomi negara seterusnya mengembangkan lagi ekonomi digital Malaysia.

#### Jejas ekonomi digital negara

Justeru, katanya, kerajaan perlu memberi tumpuan khusus terhadap cadangan semakan semula projek 5G supaya perkembangan ekonomi digital negara tidak tertangguh dan seterusnya menyebabkan Malaysia ketinggalan

berbanding negara lain.

"Semakin lambat dilaksana, maka semakin lambat ekonomi digital negara kita berkembang. Ini kerana, enjin kepada ekonomi digital adalah internet dan 5G menjadi pemuat utama membawa ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke hadapan.

"Ekonomi digital mampu menyumbang sekurang-kurangnya 25 hingga 30 peratus kepada KDNK pada masa akan datang sekiranya 5G dilaksanakan cepat. Maka, kerajaan harus laksanakan apa yang perlu dengan pantas dan berkesan," katanya.

Anwar pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet pada Isnin menjelaskan, kerajaan sudah mengarahkan supaya semua perjanjian berhubung dengan pelaksanaan projek pelaksanaan 5G di seluruh negara disemak semula.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan pelaksanaan perjanjian projek berkenaan tidak dilaksanakan secara telus berbanding proses tender terbuka untuk memastikan ia mematuhi prosedur

keuangan yang ketat.

Anwar sebelum ini pernah menggesa supaya isu berkaitan pelaksanaan 5G oleh Digital Nasional Bhd (DNB) dibahaskan di Dewan Rakyat.

Beliau dilaporkan berkata, pelaksanaan inisiatif kerajaan itu perlu diperincikan bagi memastikan ketelusan dari segi kos dan syarikat pelaksana pembangunan infrastruktur itu tidak dipertikai kelak.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia sebelum ini, Zahidi Zainul Abidin, dilaporkan berkata, pelantikan DNB bagi pelaksanaan teknologi internet 5G di Malaysia diputuskan Kementerian Keuangan tanpa melalui perbincangan bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) terlebih dahulu.

#### Wujudkan persaingan sihat

Sementara itu, Ketua Penyelidik Rakuten Trade Sdn Bhd, Kenny Yee berkata, semakan semula projek 5G adalah langkah bijak bagi memastikan perjanjian dibuat tidak berat sebelah atau mengun-

tungkan mana-mana pihak.

Katanya, langkah yang diumumkan Anwar itu membolehkan semua peserta industri bersaing secara sihat.

"Saya berpandangan masih terlalu awal untuk mengulas isu ini kerana saya tidak memiliki butiran perjanjian DNB bersama pengendali rangkaian mudah alih (MNO).

"Cuma, apa yang diumumkan Perdana Menteri adalah satu langkah bijak. Langkah kerajaan jelas mahu mewujudkan persaingan sihat dan tidak condong kepada syarikat tertentu sahaja," katanya.

Yee berkata, jika semakan semula ini membolehkan harga akhir kepada pengguna dapat diturunkan lagi, ia sudah pasti bagi untuk rakyat.

"Saya melihat jika semakan semula ini boleh menyebabkan kos pelaksanaan projek lebih rendah, maka tidak mustahil harga yang ditawarkan juga akan menjadi lebih murah. Saya pasti semua akan gembira jika ini berlaku," katanya.

Pelaksanaan 5G di Malaysia tidak boleh dilagakan lagi atau lambat dilaksanakan. Dengan cadangan semakan semula juga, kerajaan perlu meletakkan tempoh masa yang jelas dan munasabah untuk memberi panduan kepada semua pihak termasuk rakyat dan perniagaan



Anuar Shah Bali Mahomed, Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM

Saya melihat jika semakan semula ini boleh menyebabkan kos pelaksanaan projek lebih rendah, maka tidak mustahil harga yang ditawarkan juga akan menjadi lebih murah. Saya pasti semua akan gembira jika ini berlaku



Kenny Yee, Ketua Penyelidik Rakuten Trade Sdn Bhd